

NOTA CERDIK

Kata Pemeri

- 1 Perkataan yang menghubungkan subjek dan frasa-frasa utama dalam predikat.
- 2 Terdapat dua jenis kata pemeri, iaitu:
ialah – hadir di hadapan frasa nama.
tidak – hadir di hadapan frasa adjektif dan frasa sendi nama.
- 3 Kata pemeri tidak boleh hadir di hadapan kata kerja atau frasa kerja.

Praktis 17 Kata Pemeri

Isi tempat kosong dengan kata pemeri yang betul.

- 1 Nasi _____ makanan ruji bagi penduduk di Malaysia.
- 2 Jalan yang dibina itu _____ untuk kemudahan penduduk kampung.
- 3 Kisah yang dipaparkan dalam cerpen itu _____ kehidupan golongan gelandangan.
- 4 Sang Kancil _____ seekor binatang yang cerdik dalam kebanyakan cerita binatang.
- 5 Pertandingan pidato yang akan disertai oleh Hanida _____ pada hari Khamis depan.
- 6 Ciri-ciri fizikal untuk menjadi seorang model _____ tinggi dan berperwatakan menarik.
- 7 Antara perkara yang diperkatakan oleh Cikgu Nafisah _____ kepentingan belajar secara berkumpulan.
- 8 Bahan-bahan untuk membuat sup tulang _____ halia, bawang merah, bawang putih, dan perencah sup.
- 9 Bekerjasama _____ perkara yang dilakukan secara bergotong-royong supaya menjadi cepat dan mudah.
- 10 Arahan itu dikeluarkan _____ untuk mendidik mereka supaya lebih berdisiplin dan komited terhadap tugas.

NOTA CERDIK

Kata Sendi Nama

- 1 Kata sendi nama ialah perkataan yang terletak di hadapan kata atau frasa nama.
- 2 Kata sendi nama hendaklah ditulis terpisah daripada perkataan yang mengikutinya.
- 3 Contoh: *di, bagi, dari, untuk, terhadap, oleh, daripada, sejak, antara, dengan, dan dalam*

Praktis 18 Kata Sendi Nama

Kenal pasti dan gariskan kesalahan penggunaan kata sendi nama dalam ayat-ayat di bawah. Kemudian, betulkan kesalahan tersebut.

Ayat	Pembetulan
1 Rizal tinggal bersama-sama neneknya sejak dari kecil lagi.	
2 Surat itu dari abangnya yang sedang menuntut di luar negara.	
3 Kuih tepung pelita di atas meja itu dibeli dari ayah di pasar tani.	
4 Siti Saerah bertugas sebagai editor bagi Dewan Bahasa dan Pustaka.	
5 Bagi pendapat saya, kenaikan harga petrol akan membebankan rakyat.	
6 Semua pihak sedang berbincang terhadap kenaikan harga petrol baru-baru ini.	
7 Barang-barang perhiasan di dalam almari itu diperbuat dari tempurung kelapa.	
8 Program motivasi untuk murid tingkatan lima berlangsung pada pagi hingga petang.	
9 Ibu dan ayah membeli beberapa helai baju kepada saya dan adik semasa melancong di Bali.	
10 Basikal dan beg sekolah merupakan di antara hadiah yang disediakan untuk para pemenang pertandingan ini.	